



Muhammad Yusuf ibn A. Umar, 235 Popapandai,
Narathiwat Thailand bertanya:

Saya telah membaca buku Ibadat Rasulullah karangan al-Ustāz Abū Bakar al-Ash‘arī . Tiba-tiba memberi keraguan di hati saya berkenaan dengan niat di dalam sembahyang, mengikut di dalam buku Ibadat Rasulullah tidak ada niat apa-apa di kala *tabbīrat al-ihrām*. Sepanjang yang saya belajar dengan pak lebai-pak lebai di kampung di kala *tabbīrat al-ihrām* hendaklah ditentukan niat, umpama sembahyang zuhur niatnya sembahyang fardu zuhur empat rakaat fardu kerana Allah Taala. Asar dan maghrib begitulah seterusnya jadi katanya sembahyang yang tidak cukup *muqāranah* itu tidak sah katanya, sebab *qasḍu ta‘arruḍ* dan *ta‘yīn* itu di dalam *tabbīrat al-ihrām*, jadi pihak saya rasa serba salah apakala menatap buku Ibadat Rasul Allah itu kerana di dalam kandungan buku itu berkata ibadat yang di luar suruhan Rasulullah adalah bidaah, jadi yang mana satu saya harus berpegang.

Jawab:-Kita berpendapat soal tuan ini tidak tepat sebagaimana yang tuan maksudkan kerana di dalam kitab Ibadat Rasulullah (SAW) karangan *Fadīlah al-Ustādh* Abū Bakar al-Ash‘arī lain pengertiannya. Di dalam kitab ini ada disuruh berniat – hanya niat itu tidak dibacakan atau dilafazkan tatkala berniat itu. Umpamanya kata beliau Rasulullah (SAW) dalam masa hendak berwuduk

memulai membasuh dua tangan dengan membaca *Bismi Allāh al-Rahmāni al-Rahīm* sambil mengikhhlaskan niatnya – ertinya Rasulullah berniat di dalam berwuduk itu dan niat itu tidak dilafazkan beliau. Rasulullah (SAW) tidak melafazkan niat sembahyangnya seperti yang kita buat umpamanya apabila sudah berdiri menghadap kiblat sebelum takbir dibaca ((*Uṣallī fardū al-zuhri arba‘a raka‘ātin lillāhi ta‘ālā*)) dan sesudah itu terus membaca *Allāhu akbar*.

Jadi soal yang tuan datangkan ini harus tuan maksudkan bahawa yang dikehendaki dengan yang kedua iaitu lafaz niat sebelum takbir dengan dibaca atau diucapkan. Jika ini yang tuan tanya maka sepanjang pengertian ahli *al-salaf al-ṣāliḥ* yang berpandu kepada al-Qur‘ān dan al-Hadīth serta Ijmā‘ sahabat bahawa Rasulullah hanya tatkala berdiri sembahyang mengikhhlaskan niatnya – tidak melafazkannya seperti yang kebanyakan kita buat, sedang menurut pengertian penyelidikan ahli-ahli itu bahawa pengertian melafazkan niat ini sebagai pekerjaan sunat datangnya daripada ulama mazhab Imām Shāfi‘ī – bukan daripada Imām Shafi‘ī sendiri.

Kalau tuan perhatikan hadis di permulaan kitab Ibadat Rasulullah (SAW) itu sudah tentu tuan akan mendapati sebuah hadis yang mengandungi maksudnya: sembahyanglah kamu sebagaimana kamu lihat aku sembahyang.

Maksud ini menepati kemahuan beribadat kerana ibadat yang diturut hanya ibadat yang dilakukan oleh junjungan kita Muḥammad (SAW) sahaja. Jika di dalam ibadat itu kita campurkan Qiyās atau pendapat di dalam satu daripadanya maka sudah tentu yang demikian itu akan dibenarkan pula pada lainnya maka sebab itulah pengarang kitab itu (Ibadat Rasulullah *ṣallā Allahu ‘alayhi*

wa sallam) mengambil yang tepat bahawa Rasulullah bersembahyang dengan cara itu. Tidak ada keterangan dari al-Qur'an atau al-Hadīth atau Ijmā' sahabat yang menyebutkan bahawa Rasulullah (SAW) ada melafazkan niat tatkala mandi, berwuduk dan sembahyang – hanya sanya beliau mngikhlaskan niatnya yakni niat di dalam hati dengan tidak berlafaz.

Sebaik-baiknya bagi seseorang beramal yang telah diamalkan dan ditunjukkan oleh Rasulullah (SAW) kerana beramal dengan apa yang diamalkan baginda yang kita dengar keterangannya daripada al-Qur'an dan hadis-hadis yang sahih maka itu yang lebih utama dan sah.

* * *

'Abdu al-Hamīd Muhammad, Kampung Rasa, Negeri Sembilan bertanya:

Dengan alasan apakah Tuan Haji Usman Taat Yang Dipertua Jabatan Agama Negeri Sembilan menuntut supaya kitab Ibadat Rasulullah (SAW) karangan al-Ustādh Abū Bakar al-Ash'ārī itu diharamkan?

Jawab: Sebaik-baik jawapan atas soal tuan ini ialah daripada Yang Dipertua Jabatan Agama Negeri Sembilan itu sebab beliau hanya mengatakan ajaran yang dibawa di dalam kitab Ibadat Rasulullah (SAW) karangan al-Ustādh Abū Bakar al-Ash'ārī ini menyalahi daripada ajaran Islam yang sebenarnya. Mana satu pengajaran Islam yang sebenar yang dimaksud beliau kita juga tidak tahu – adakah pengajaran Islam yang sebenar itu hanya meliputi pengertian-pengertian ulama sahaja atau pengajaran Islam yang sebenar yang berasas kepada kitab Allah dan sunnah Rasul-Nya (SAW) sahaja. Sebab itu takrif ini semoleknya dijawab oleh beliau sendiri.

* * *

Syamsuddin ibn Muhammad Arif, Naning Melaka

bertanya:

Apakah akibat yang akan jadi kalau perang saudara di Indonesia merebak?

Jawab: Di dalam keadaan-keadaan yang berlaku sekarang nampaknya bahawa Presiden Sukarno adalah melaksanakan suatu tujuannya yang besar yang tersembunyi di dalam tujuan perpaduan umat Indonesia ialah memecahkan umat itu dimulai dari ucapannya di Amuntai pada tahun 1951 dahulu. Tujuannya ialah penjajahan orang Jawa kepada daerah-daerah lain dan kerana itulah, kejadian perang saudara sekarang yang dilawannya terhadap orang-orang Sumatera Tengah, ia tidak mahu mengambil jalan yang tenang tetapi mengambil jalan yang menggunakan kekerasan kepada bangsanya sendiri yang telah melihat kehancuran negara. Sukarno menyalahkan mereka tetapi Sukarno sendiri tidak mahu menyalahkan dirinya yang sentiasa melanggar undang-undang yang dibuatnya.

Ketidakpuasan hati orang-orang di daerah itu ialah Sukarno sebagai bapa memilih kasih kepada ((anak-anaknya)) dan ia tidak tahu membela ((anak-anaknya)) dan kerana itu ((anak)) yang ditinggalkan yang merasa dirinya dizalimkan oleh ayahnya terpaksa mengadakan perlawanan untuk keselamatan ((adik-adiknya)) yang lain. Akibatnya, di pusat sendiri Sukarno sudah tentu kelak akan berasa cemburu kepada pegawai-pegawainya sendiri yang berasal dari daerah sedang orang-orang daerah, kerana kerahan Sukarno kepada orang Jawa untuk menghancurkan orang-orang daerah akan terbit dendam yang tidak berkesudahan,

(sambungan di muka 42)

Dan beristirahat yang sebaik-baiknya, ialah istirahat dalam bulan Ramadan, yang di dalamnya umat Islam diwajibkan memberhentikan makan minum pada siang hari.

Dalam masa berbuka dan makan sahur, jangan hendaknya orang yang berpuasa itu menimbun-nimbunkan makanan dan minuman dalam tali perut, oleh kerana dia pada siang hari telah menderita lapar dan dahaga yang tidak terkira beratnya. Hal yang demikian, sangatlah berlawanan dengan hikmah puasa.

Tidaklah menghairankan jika dalam al-Quran (ayat 31, surah al-A'raf) diserukan supaya kita makan dan minum hanya sekadar untuk melepaskan lapar dan dahaga sahaja.

Ertinya.....dan hendaklah kamu makan dan minum, tetapi janganlah kamu melampaui batas. Bahawasanya Allah tiada suka akan orang yang melampaui batas.

Dan dalam satu hadis, Nabi (SAW) bersabda yang demikian ertinya:

Kami suatu kaum, tidak makan sebelum lapar, dan apabila kami makan, tidaklah sampai kenyang)).

gambar



Pemandangan dalam Kolokium di Lahore, Karachi



Wakil Indonesia dalam Kolokium yang telah diadakan di Lahore, Karachi baru-baru ini.

(sambungan dari muka 25)

akhirnya permusuhan berkepanjangan – Persatuan Bangsa Indonesia akan hapus – perasaan takluk menakluk, benci membenci akan timbul, sebab itu bahagian-bahagian daerah yang lain telah menyatakan perdirianya menuntut Sukarno mencari jalan damai – tidak melakukan jalan kekerasan kerana sekalipun umpamanya Sukarno dapat menindas orang-orang Sumatera Tengah namun perasaan dendam akan terus menerus – bukannya hanya kepada Sukarno tetapi terus kepada orang-orang Jawa sendiri terutamanya perasaan retak di antara Jawa dan daerah itu sudah ditimbulkan oleh Sukarno dan golongannya yang mengutamakan orang-orang Jawa belaka di dalam Jabatan Pemerintahan.